



MOHAMAD HASLAH MOHAMAD AMIN (duduk tengah) dan **Lee Tian Hock** (duduk lima dari kiri) bersama petugas media, anak yatim dan ibu-ibu tunggal di d'Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan, semalam.

MCHB hargai sokongan media massa

SEREMBAN 24 Jun - Seramai 73 wartawan, jurugambar dan wakil media massa di Negeri Sembilan diraikan oleh pemaju hartanah, Matrix Concepts Holdings Berhad (MCHB) dalam majlis Iftar Bersama Media 2016 di d'Tempat Country Club Bandar Sri Sendayan, dekat sini semalam.

Majlis itu bertujuan menghargai sokongan berterusan oleh pihak media kepada MCHB sepanjang tahun ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi MCHB, Da-

tuk Mohamad Haslah Mohamad Amin; Pengarah Urusan Kumpulan MCHB, Datuk Lee Tian Hock dan Pengerusi Yayasan Matrix Concepts, Datuk N. Logendran.

Pada majlis itu juga, seramai 92 orang yang kurang bernasib baik dijemput berkongsi kegembiraan Ramadan ini bersama MCHB.

Mereka ialah 62 penduduk dari Kampung Labu Batu 10 yang terdiri daripada ibu tunggal, warga emas, orang kurang upaya (OKU)

serta 30 anak yatim dari Pertubuhan Darul Asnaf Sri Tanjung, Kuala Pilah.

MCHB turut menyampaikan sumbangan wang tunai RM300 untuk setiap ibu tunggal, warga emas dan OKU tersebut serta duit raya kepada setiap anak yatim yang disampaikan oleh Mohamad Haslah bersama isterinya, Datin Nor Simah Meon.

Sumbangan tersebut telah ditaja sepenuhnya oleh Yayasan Matrix Concepts dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM10,000.